

25/11/1997

Umno Jeli sokong kepimpinan PM

JELI, Isnin - Umno Bahagian Jeli menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam usaha menangani kejatuhan nilai ringgit dan mengutuk sebarang campur tangan Amerika dalam hal ehwal negara ini.

Ketuanya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata adalah menjadi tanggungjawab semua rakyat tanpa mengira fahaman politik memberi kepercayaan kepada Dr Mahathir untuk terus memimpin negara ini.

"Kita mengecam sekeras-kerasnya tindakan Amerika yang cuba mencampuri urusan pentadbiran negara.

"Yang berhak menentukan siapa patut menjadi perdana menteri adalah rakyat negara ini dan kita tidak perlu tunduk terhadap mana-mana desakan daripada pihak luar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat tergepar dengan jawatankuasa tiga peringkat Umno bahagian ini bagi membentangkan usul menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri di Kompleks Umno Jeli, dekat sini, semalam.

Terdahulu, dalam mesyuarat berkenaan, Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan memberi penjelasan kepada jawatankuasa itu mengenai kedudukan ekonomi negara sekarang.

Menurutnya, rakyat harus memahami kegawatan ekonomi sekarang berpunca daripada kedudukan kewangan tidak stabil di rantau ini bermula dengan kejatuhan Baht di Thailand.

"Jadi apa yang berlaku di sana menyebabkan tempiasnya terkena kepada beberapa negara lain yang berjiran termasuk Malaysia," katanya.

Mustapa berkata, keadaan itu juga menghakis keyakinan pelabur sehingga mengugat kedudukan pasaran saham.

"Bagaimanapun masalah ini adalah bersifat sementara yang akan dapat dipulihkan melalui langkah yang sedang dirancang walaupun mengambil sedikit masa," katanya.

(END)